

**Memahami Kedudukan Islam dan Melayu dalam
Perlembagaan Persekutuan:
Cabaran Pendidikan Melayu dalam Perspektif Hubungan Etnik**

Nik Yusri Musa¹

Aminurraasyid Yatiban²

Nazri Muslim³

Abstrak - Kertas kerja ini membicarakan perkara yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu sebagaimana peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai suatu subjek yang sangat penting untuk difahami dalam usaha menilai cabaran dan perkembangan Pendidikan Melayu. Peruntukan Islam sebagai agama persekutuan, hak kebebasan beragama, penetapan hal ehwal Islam sebagai sesuatu yang terletak dalam bidang kuasa negeri, kedudukan raja-raja sebagai ketua agama dan pembentukan Majlis Agama Islam untuk membantu menjalankan kuasa-kuasa tertentu. Manakala peruntukan orang Melayu seperti kedudukan istimewa orang Melayu, tanah rizab Melayu, Rejimen Askar Melayu di Raja dan persempadanan kawasan pilihanraya. Analisis menunjukkan Islam dalam perlembagaan itu bukan sahaja hanya terkandung dalam Perkara 3, tetapi ia juga harus dibaca bersama dengan Perkara 8, 11, 12, 121, 150 dan kedudukan Yang di Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam. Manakala analisis menunjukkan peruntukan orang Melayu bukan sahaja setakat dalam Perkara 153, tetapi juga terangkum dalam Perkara 8(5e), Perkara 89 dan 90 dan Jadual Ketiga belas mengenai persempadanan kawasan pilihanraya. Kesimpulan secara umumnya menunjukkan bahawa Islam dan orang Melayu mempunyai keistimewaan dari agama lain di Malaysia. Orang Melayu pula mempunyai kelebihan dari orang bukan Melayu serta dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Apakah situasi tersebut menggugat keadilan atau kesamarataan yang perlu dikecapi bersama oleh rakyat Malaysia yang pelbagai sifatnya? Bagaimana impak kefahaman ini mampu diterjemah dalam mendepani cabaran pendidikan Melayu yang turut berkait langsung dengan kepelbagaian etnik yang sedia ada di tanah air? Perbincangan kertas kerja ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama mengenai peruntukan Islam dalam perlembagaan dan bahagian kedua menyentuh tentang peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan. Perbincangan dalam kertas kerja ini juga akan memfokuskan perspektif

¹ Dr. Nik Yusri Musa ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah (PPBPI), Universiti Malaysia Kelantan.

² Dr. Aminurraasyid Yatiban ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah (PPBPI) Universiti Malaysia Kelantan.

³ Dr. Nazri Muslim ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Umum (PPU) di Universiti Kebangsaan Malaysia.

hubungan etnik di Malaysia kerana kedua-dua perkara ini iaitu Islam dan Melayu dalam perlembagaan sentiasa menjadi polemik dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik.

1. Pengenalan

Perbincangan artikel ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama mengenai peruntukan Islam dalam perlembagaan dan bahagian kedua menyentuh tentang peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan. Perbincangan dalam artikel ini juga akan menjurus dari perspektif hubungan etnik di Malaysia kerana kedua-dua perkara ini iaitu Islam dan Melayu dalam perlembagaan sentiasa menjadi polemik dalam masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik.

2. Islam dalam Perlembagaan Persekutuan

Islam dalam perlembagaan adalah satu isu yang penting kerana isu ini berkait rapat dengan kepercayaan dan pegangan majoriti penduduk Malaysia. Isu ini juga merupakan isu yang sensitif kerana orang Melayu merasakan bahawa agama tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian mereka. Walaupun soal kepercayaan dan keimanan adalah urusan seseorang, namun dalam konteks Malaysia, perkara ini boleh memberi kesan kepada ketenteraman awam khususnya yang melibatkan ketegangan antara kaum seperti dalam kes *Natrah* pada tahun 1950 dan *Nur Aisyah* pada tahun 1998. Ini diakui oleh Syed Muhammad Naqib al-Attas yang mengatakan Islam mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Keadaan ini menjelaskan kenapa Islam tidak termasuk dalam rangka perjanjian antara Raja-Raja Melayu dengan pihak British yang bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874 yang memberi kuasa kepada British dalam sistem pemerintahan di Tanah Melayu ketika itu. Namun, ini memang tujuan British untuk mengecilkan peranan Islam dalam sistem pentadbiran negara yang menyebabkan kedudukan Islam itu dalam bidang tertentu sahaja iaitu tidak bersifat menyeluruh. Dalam hal ini, menurut Ahmad Ibrahim, perkataan agama Islam telah diberi tafsiran yang sempit dan agama itu dianggap sama seperti dalam agama Kristian.

Definisi mengenai Islam dalam perlembagaan boleh dirujuk dari dua sudut iaitu menurut tafsiran pihak mahkamah dan pandangan sarjana. Pertama, definisi yang diberikan oleh pihak mahkamah dalam kes *Che Omar Bin Che Soh v Public Prosecutor* seperti yang diputuskan oleh Ketua Hakim Negara iaitu Islam dalam perlembagaan hanya terbatas kepada soal-soal upacara dan seumpamanya. Sebelum dari kes ini, dalam kes *Wong Ah Fook Iwn. State of Johore* telah memberi tafsiran kepada Perkara 57 Perlembagaan Johor iaitu Islam adalah agama rasmi negeri Johor. Namun, mahkamah telah menolak dakwaan pihak pembela yang mendakwa negeri Johor adalah diperintah menurut undang-undang Islam.

Manakala dalam kes *Meor Atiqurahman bin Ishak v Fatimah Bte Shihi* di mana Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa kedudukan Islam adalah tinggi dan mengatasi agama-agama lain. Tetapi keputusan ini ditolak oleh Hakim Mahkamah Rayuan yang tidak bersetuju tentang apa yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Namun Hakim Mahkamah Rayuan tidak menyentuh mengenai kedudukan Islam dan ini boleh dihujahkan bahawa ketinggian kedudukan Islam yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi itu masih kekal. Dalam hal ini, sebenarnya mahkamah tidak

memberi definisi Islam seperti yang termaktub dalam perlembagaan, sebaliknya mahkamah hanya memutuskan bahawa Islam yang dimaksudkan oleh perlembagaan ialah Islam upacara dan bukannya Islam sebagai sistem hidup yang lengkap.

Kedua, pandangan yang diberikan oleh sarjana seperti L.A Sheridan dan H. E Groves yang mengatakan bahawa peruntukan mengenai Islam adalah bertujuan untuk memberikan negara ini sifat dan ciri Muslim yang umumnya bersifat luaran dan untuk upacara rasmi negara. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Mohamed Suffian Hashim yang menjelaskan maksud peruntukan tersebut ialah semata-mata untuk upacara seperti membolehkan doa dibaca di upacara rasmi iaitu semasa pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Hari Kemerdekaan dan lain-lain. Namun terdapat juga definisi yang berbeza yang cuba diberikan tentang kedudukan Islam. Tafsiran yang diberikan oleh Hashim Yeop Sani menjelaskan bahawa Perkara 3 itu sangat jelas dan tidak boleh diputarbelitkan lagi bahawa agama negara ialah Islam. Maka, mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan di antara dokumen ciptaan manusia (perlembagaan) dengan perintah Allah (al-Quran dan as-Sunnah), maka tafsiran itu tidak boleh dipakai.

Tafsiran ini disokong oleh Ahmad Ibrahim yang mengatakan bahawa apa yang diputuskan oleh Mahkamah Agong mengenai Islam dalam Perkara 3 (Kes *Che Omar Bin Che Soh v Public Prosecutor*) adalah sama dengan apa yang dimaksudkan oleh pihak yang merangka perlembagaan dan ia adalah akibat pemerintahan langsung oleh British dan wujudnya institusi sekular. Jelas menunjukkan bahawa mahkamah tidak cuba mentafsirkan peruntukan itu dari keadaan perlembagaan yang telah mewujudkan sebuah negara yang merdeka dan bebas dari pengaruh penjajah dahulu, akan tetapi telah menurut sahaja tafsiran yang telah terpakai dalam masa penjajahan itu.

Sungguhpun Islam dalam Perkara 3 diberi makna yang sempit dari sudut perundangan, namun pengaruhnya tidak boleh dipertikaikan kerana dua sebab iaitu kedudukan Islam penting dalam politik Malaysia dan dasar Islamisasi seperti penggunaan wang awam untuk membiayai institusi, pendidikan, pentadbiran dan undang-undang Islam.

Terdapat tujuh peruntukan mengenai Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa Islam itu bukan hanya terkandung dalam Perkara 3 sahaja. Pertama, peruntukan di bawah Perkara 3 ini menjelaskan bahawa Islam adalah agama persekutuan dan pada masa yang sama juga memberikan hak kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka dengan aman dan damai di Malaysia. Selain itu, Perkara 3 juga menjelaskan kedudukan Raja-Raja sebagai ketua agama di negeri-negeri melainkan negeri yang tidak mempunyai raja. Manakala bagi sesuatu perkara yang meliputi seluruh persekutuan yang berkaitan dengan Islam, maka Yang di Pertuan Agong akan mewakili Raja-Raja setelah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja. Di samping kedudukan Raja-Raja, Perkara 3 juga menyentuh tentang Yang di Pertuan Agong adalah ketua agama Islam bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Seterusnya, Perkara 3 menyatakan bahawa bagi Wilayah Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan hal ehwal Islam dan menubuhkan Majlis bagi menasihati Yang di Pertuan Agong berkenaan dengan hal ehwal agama Islam. Bersamaan dengan Perkara 3 ini, semua negeri dalam persekutuan kecuali Sarawak juga telah menjadikan Islam sebagai agama negeri.

Kedua, peruntukan di bawah Perkara 8 pula menjelaskan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Namun ada pengecualian sebagaimana dibenarkan dengan nyata

dalam perlembagaan iaitu tiada perbezaan boleh dibuat berdasarkan agama, kaum, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau perlantikan bagi sesuatu jawatan di bawah pihak berkuasa awam. Pengecualian ini jelas dalam perlantikan yang berkenaan dengan sesuatu agama itu sendiri.

Ketiga, peruntukan Perkara 11 menjelaskan bahawa pertama, setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing. Kedua, tiada sesiapa pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika diperuntukkan bagi maksud yang lain dari agamanya sendiri. Ketiga, setiap kumpulan berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri termasuklah menubuh, menyelenggara atau memiliki harta atau institusi. Keempat, undang-undang negeri dan undang-undang wilayah persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa kepercayaan agama dalam kalangan orang Islam.

Keempat, peruntukan Perkara 12 menjelaskan bahawa pertama, setiap kumpulan agama berhak menubuh dan menyelenggara yayasan untuk pelajaran kanak-kanak mengenai agama masing-masing. Kedua, undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas bagi menubuh dan menyelenggara yayasan Islam atau bagi mengajar mengenai agama Islam kepada orang Islam. Ketiga, tiada sesiapa dipaksa mengambil bahagian dalam upacara agama selain agamanya. Keempat, agama bagi seseorang yang berumur kurang dari 18 tahun ditentukan oleh ibu bapa atau penjaganya.

Kelima, peruntukan Islam disentuh dalam Perkara 121 (1A). Melalui peruntukan ini menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini kerana sebelum pindaan itu dibuat terdapat beberapa kes (seperti wakaf, penjagaan anak, mungkir janji untuk berkahwin dan lain-lain) di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah.

Keenam, peruntukan di bawah Perkara 150 (6A), jelas memelihara hal ehwal Islam walaupun dalam keadaan darurat yang memberi kuasa kepada pihak eksekutif untuk membuat undang-undang yang pada keadaan biasa, undang-undang hanya boleh dilakukan di Parlimen dan kerajaan pusat boleh mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri. Ini menunjukkan bahawa walaupun kuasa darurat yang sangat luas tetapi tidak termasuk perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Ini menunjukkan hal yang berkaitan dengan agama Islam diberi status yang tinggi dalam perlembagaan.

Ketujuh, peranan Yang di-Pertuan Agong juga boleh dimasukkan dalam ruang lingkup Islam dalam perlembagaan. Walaupun perlembagaan tidak menetapkan baginda sebagai ketua agama bagi seluruh persekutuan, perlembagaan menetapkan tanggungjawab ke atas baginda supaya menjaga Islam. Ini dinyatakan dalam sumpah jawatan berkenaan di mana Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab oleh perlembagaan untuk memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri. Walaupun baginda tidak diletakkan sebagai ketua agama bagi seluruh persekutuan, baginda mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan memastikan kedudukan Islam tidak tercemar. Tanggungjawab ini relevan memandangkan bahawa kerajaan persekutuan tidak semestinya diketuai oleh seorang Melayu dan Islam, seperti yang terdapat dalam perlembagaan negeri-negeri Melayu. Baginda juga adalah ketua agama Islam bagi negeri yang tidak beraja iaitu

Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Keadaan ini berlaku kerana Gabenor mungkin terdiri dari orang bukan Islam.

Terdapat tiga hujah perlunya peruntukan Islam dibuat dalam perlembagaan. Pertama, pada waktu perlembagaan digubal, tidak kurang daripada 15 buah negara di dunia memperuntukkan agama dalam perlembagaan masing-masing, sama ada negara yang majoriti rakyatnya beragama Kristian, Islam ataupun Buddha. Antara negara yang memperuntukkan agama dalam perlembagaannya pada waktu itu termasuklah negara Kristian seperti Ireland (Perkara 6), Norway (Perkara 1), Denmark (Perkara 3), Sepanyol (Perkara 6), Argentina (Perkara 2), Bolivia (Perkara 3), Panama (Perkara 36), dan Paraguay (Perkara 3), negara Islam ialah Afghanistan (Perkara 1), Iran (Perkara 1), Iraq (Perkara 13), Jordan (Perkara 2) dan Syria (Perkara 3) dan negara Buddha ialah Thailand (Perkara 7).

Kedua, negara yang memperuntukkan agama dalam perlembagaan tidak pula memberikan kesusahan kepada mana-mana orang dalam negeri tersebut.

Ketiga, pada hakikatnya telah wujud peruntukan agama Islam dalam Perlembagaan Negeri Tanah Melayu seperti Johor dan Terengganu. Maka, yang perlu hanyalah memasukkan peruntukan tersebut ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, kedaulatan Islam merupakan teras kekuatan rakyat majoriti negara ini yang berasaskan Melayu. Tafsiran Melayu di bawah Perkara 160 yang menjadikan Islam sebagai asasnya akan beransur-ansur menjadi pudar dan malap jika pentafsiran positif tidak dibuat terhadap peruntukan yang berkaitan dengan Islam khususnya Perkara 3.

Kesimpulannya, dari perbincangan di atas menunjukkan bahawa terdapat beberapa keistimewaan Islam yang menonjol dalam perkara berikut:

- a. Perkara 160 memberi definisi Melayu sebagai seorang beragama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu. Dalam hal ini, Melayu dan Islam adalah unsur yang saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan.
- b. Yang di-Pertuan Agong dilantik daripada kalangan raja-raja di negeri-negeri Melayu dan di dalam setiap perlembagaan negeri mensyaratkan seorang raja mestilah berbangsa Melayu, beragama Islam dan keturunan diraja.
- c. Di dalam sumpah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, baginda mengangkat sumpah dengan didahului oleh lafaz Wallahi, Wabillahi, Watallahi yang merupakan lafaz sumpah yang dikehendaki dalam agama Islam. Sumpah ini dikaitkan dengan janji baginda untuk memelihara tentang kesucian dan kemuliaan agama Islam iaitu:
Dan lagi kami berikrar menegak dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.
- d. Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Perkara 3 (3) adalah ketua agama Islam di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai raja.
- e. Raja dan Sultan di negeri-negeri yang beraja ialah ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Dalam menjalankan tugas sebagai ketua agama Islam mereka mempunyai budi bicara dan tidak terikat dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO).

- f. Adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi hak istimewa orang-orang Melayu seperti yang termaktub di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana Melayu dan Islam ialah dua entiti yang tidak boleh dipisahkan maka tugas menjaga hak-hak istimewa orang-orang Melayu juga termasuk menjaga dan melindungi agama Islam.
- g. Walaupun dalam keadaan darurat, kedudukan agama Islam tidak boleh dipinda dan ini kekal terjamin.
- h. Adalah sah bagi kerajaan, sama ada kerajaan pusat atau negeri memperuntukkan sejumlah wang bagi pembangunan Islam di Malaysia.
- i. Peruntukan Islam ini terjamin dalam keadaan mana sekalipun kerana untuk memindanya, ia perlu kepada sokongan majoriti lebih dua pertiga parlimen dan perkenan Majlis Raja-Raja Melayu.
- j. Walaupun tidak dibenarkan perbezaan dalam apa juga keadaan dalam mana-mana undang-undang dan perlantikan pihak berkuasa awam, namun terdapat pengecualian terhadap perlantikan bagi sesuatu institusi agama Islam.
- k. Undang-undang negeri boleh menyekat apa-apa penyebaran dalam kalangan orang Islam mengenai agama selain dari Islam.
- l. Bidang kuasa Mahkamah Syariah terpisah dari Mahkamah Sivil yang menunjukkan pengiktirafan kepada Mahkamah Syariah.

3. Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

Analisis tentang orang Melayu dalam perlembagaan, sangat penting dibincangkan kerana ianya sering menjadi satu polemik dalam masyarakat majmuk Malaysia. Ini kerana orang Melayu dalam perlembagaan khususnya yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu sering kali bangkit dan dibangkitkan oleh pelbagai pihak bermula dari penggubalan perlembagaan sehinggalah ke hari ini. Perkara ini semacam tiada penghujungnya dengan ditambah lagi kemunculan generasi baru selepas merdeka yang dikatakan tidak memahami persoalan ini dan menganggap ianya sesuatu yang tidak relevan lagi.

Sebelum dibincangkan peruntukan Melayu dalam perlembagaan perlu diketahui siapakah Melayu itu menurut tafsiran perlembagaan. Takrif Melayu itu sangat luas dan jika diambil dalam pengertian sejarah dan sosio-budaya, Melayu itu meliputi mereka yang mendiami kepulauan Melayu. Walaupun terdapat pelbagai suku bangsa, bahasa dan loghat, namun ahli-ahli bahasa dan budaya menganggap mereka sebagai satu kumpulan yang sama iaitu keturunan Melayu. Jika merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, orang Melayu ditakrifkan dalam Perkara 160(2) sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap dalam Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu

- a. Lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari Merdeka itu ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura atau
- b. Ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.

Di samping Perkara 160(2), Melayu itu turut ditakrifkan di bawah Perkara 89(6) yang menjelaskan Melayu itu termasuklah seseorang yang disifatkan sebagai seorang Melayu

bagi maksud merizabkan tanah di bawah undang-undang bagi negeri di mana ia bermastautin. Ini menjelaskan bahawa takrif Melayu itu boleh dibahagikan kepada dua iaitu berdasarkan sosio-budaya dan takrifan Perlembagaan Persekutuan.

Terdapat beberapa perkara yang boleh dibincangkan dalam peruntukan di atas. Pertama, untuk menjadi seorang Melayu bagi maksud perlembagaan tidaklah semestinya seseorang itu berketurunan Melayu. Seorang India boleh dianggap sebagai Melayu sekiranya ia menganut agama Islam, menjadi kelazimannya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Sebaliknya, walaupun dia seorang Melayu jati dari keturunan Melayu sekalipun, bagi maksud perlembagaan ia bukan Melayu jika bukan beragama Islam.

Kedua, untuk menjadi seorang Melayu bagi maksud perlembagaan, seseorang mestilah mempunyai sedikit sebanyak perhubungan dengan Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura. Oleh itu, seorang Indonesia yang menganut Islam, kebiasaannya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu, bukanlah seorang Melayu bagi maksud perlembagaan jika dia dilahirkan sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau dia keturunan seseorang yang tersebut.

Sebelum Merdeka, salah satu daripada takrif di sisi undang-undang bagi seorang Melayu terdapat dalam perenggan (6) fasal 123(3), Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Perenggan tersebut mentafsirkan orang Melayu sebagai seorang yang kebiasaannya bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan adat Melayu. Takrif Melayu ini telah dipindahkan kemudiannya ke dalam setiap perlembagaan negeri pada tahun 1952 mengenai kerakyatan negeri. Sebelum merdeka, seorang Indonesia boleh dianggap sebagai Melayu walaupun ia tidak ada perhubungan dengan Persekutuan atau Singapura.

Di dalam Perlembagaan Negeri-negeri, orang Melayu itu ditakrifkan dalam pelbagai maksud. Dalam Perlembagaan negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Pahang serta Johor, memperuntukkan definisi Melayu itu ialah bertutur dalam bahasa Melayu dan menganut agama Islam. Cuma di Kedah dan Perlis terdapat perbezaan dari segi keturunan iaitu menerima keturunan Arab sebagai orang Melayu. Dalam hal ini, walaupun ada perbezaan definisi Melayu berdasarkan Enakmen Tanah Rizab Melayu, namun apabila berlaku apa-apa keraguan mengenai sama ada Melayu atau sebaliknya, perkara itu hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa negeri atau kepada Raja untuk dibuat keputusan.

Namun yang utamanya ialah faktor Islam itu telah disepakati dalam memberi takrif Melayu. Faktor Islam ini lebih mudah untuk membezakan Melayu atau tidak berbanding dengan bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Ini kerana adat Melayu sudah banyak berubah dan sukar untuk dipastikan yang mana satu adat Melayu. Maka penggunaan istilah adat Melayu itu sendiri menimbulkan kekaburan dan sukar untuk dijustifikasikan. Berdasarkan maksud ini, sesiapa sahaja boleh menjadi orang Melayu jika seorang itu beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Sebagai contoh, seorang Cina atau India yang hidup dalam keluarga Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan beragama Islam, boleh dianggap seorang Melayu.

Berikut adalah peruntukan mengenai Melayu dalam perlembagaan yang selama ini hanya ketara dalam Perkara 153 sahaja. Pertama, Perkara 153 ini menjelaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Yang di Pertuan Agong untuk menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan juga melindungi hak kaum lain. Yang di Pertuan Agong

atas nasihat kerajaan boleh memberi peruntukan kepada orang Melayu beberapa bahagian yang difikirkan patut dalam perkara-perkara berikut:

- a. Menentukan suatu kadar bilangan jawatan dalam perkhidmatan awam.
- b. Menentukan kadar perizaban permit dan lesen bagi menjalankan sebarang perniagaan atau pekerjaan.
- c. Menentukan kadar perizaban dalam biasiswa, bantuan dan keistimewaan pelajaran dan latihan atau kemudahan khas yang diberikan atau diadakan oleh kerajaan.

Kedua, mengenai Perkara 89, ia menyentuh tentang tanah rizab Melayu seperti berikut:

- a. Tanah Rizab Melayu terus menjadi tanah rizab Melayu selepas merdeka.
- b. Mana-mana tanah yang bukan tanah rizab Melayu boleh diisytiharkan sebagai tanah rizab Melayu mengikut undang-undang.
- c. Kerajaan negeri boleh mengambil tanah untuk menempatkan orang Melayu dan bukan Melayu.
- d. Jika tanah tersebut telah dimiliki oleh orang bukan Melayu, maka tanah rizab Melayu tidak boleh diisytiharkan.

Ketiga, Perkara 90 pula menyentuh mengenai pengecualian undang-undang yang ada berkenaan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka dan undang-undang yang ada di Terengganu mengenai tanah pegangan orang Melayu.

Keempat, Perkara 8 (5)(f) pula menjelaskan bahawa kemasukan untuk perkhidmatan Rejimen Askar Melayu di Raja hanya diperuntukkan kepada orang Melayu sahaja. Namun, kemasukan ke rejimen tentera yang lain adalah terbuka kepada semua etnik di Malaysia dan tiada sekatan dikenakan.

Kelima, Jadual Ketiga belas pula menjelaskan bahawa terdapat empat prinsip yang perlu dipatuhi sebelum penentuan atau penyemakan semula sempadan pilihanraya dibuat. Keempat prinsip tersebut ialah:

- a. Sebuah kawasan hendaklah jangan melintasi sempadan negeri dan mempertimbangkan kesukaran yang akan timbul jika kawasan dewan undangan negeri meliputi Dewan Rakyat.
- b. Perlunya dipertimbangkan segala kemudahan yang ada dalam kawasan berkenaan bagi pendaftaran pengundi.
- c. Ditetapkan juga bahawa jumlah pengundi bagi tiap-tiap kawasan pilihanraya hendaklah sama. Namun, perlembagaan juga menetapkan bahawa kawasan luar bandar hanya separuh dari jumlah pengundi bagi sesebuah kawasan pilihanraya di bandar diperlukan.
- d. Perlu juga dipertimbangkan mengenai segala kesukaran apabila suatu kawasan ditukar dan mustahaknya dikekalkan perhubungan seseorang dengan kawasannya.

Jelas dari perbincangan di atas, terdapat beberapa keistimewaan bagi orang Melayu berbanding etnik lain dalam perlembagaan iaitu.

- a. Peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan dibuat bagi membetulkan semula ketidakseimbangan politik di sesebuah negara yang rakyatnya bersifat majmuk dan baru merdeka. Contohnya di Malaysia, keutamaan memasuki perkhidmatan awam diberikan kepada orang Melayu dengan tujuan mereka boleh menguasai keadaan politik negara kerana pegawai kerajaan memainkan peranan penting dalam melaksanakan polisi dan dasar pemerintah. Begitu juga dengan perkhidmatan tentera dan polis yang dikuasai oleh majoriti orang Melayu untuk tujuan yang sama.
- b. Perlembagaan memberi keutamaan kepada kumpulan yang telah merasai dan mengecapi keistimewaan itu sebelumnya. Tujuannya ialah supaya sebarang perubahan mendadak tidak berlaku apabila perlembagaan diperkenalkan. Sesuatu keistimewaan yang telah dikecapi sekian lama sekiranya ditarik balik sudah tentu menyemarakkan api kemarahan kumpulan itu. Misalnya di Malaysia, keistimewaan orang Melayu sebenarnya sudah wujud di zaman penjajah hasil perjanjian antara penjajah Inggeris dengan Raja-Raja Melayu. Begitu juga di India, kumpulan Anglo-Indians yang telah mendapat beberapa keistimewaan sebelum merdeka juga dilanjutkan keistimewaan itu apabila Perlembagaan India diperkenalkan.
- c. Perlembagaan memberi kuasa kepada kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan daripada segi ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat mundur. Tanpa peruntukan istimewa orang Melayu ini, tidak mungkin masyarakat mundur itu dapat bangun dan bersaing dengan masyarakat maju. Perlembagaan India dan Malaysia mempunyai peruntukan yang nyata dalam hal ini.
- d. Peruntukan keistimewaan orang Melayu juga berlaku disebabkan oleh kompromi di antara kaum atau kumpulan tertentu semasa perlembagaan digubal. Sesuatu yang diberi kepada kumpulan lain bererti kumpulan memberi itu berhak kepada beberapa keistimewaan yang lain. Misalnya dalam Perlembagaan Persekutuan, taraf kewarganegaraan yang diberi kepada kaum pendatang harus diganti dengan pemberian beberapa keistimewaan kepada kaum bumiputera atau apa yang dikenali sebagai Kontrak Sosial.

Sebagai kesimpulannya, peruntukan istimewa orang Melayu itu tidak bercanggah dengan prinsip keadilan dan kesamarataan berdasarkan empat hujah iaitu pertama, walaupun orang Melayu mendapat keistimewaan seperti yang termaktub dalam perlembagaan, namun tidak melalui rampasan harta orang bukan Melayu sebaliknya mendapatkannya dari tambahan kepada ekonomi keseluruhan. Kedua, pelaksanaan terhadap keistimewaan orang Melayu ini tanpa menjejaskan kedudukan ekonomi dan pendidikan serta politik orang bukan Melayu, malah dalam sektor ekonomi dan pendidikan, mereka lebih baik dari orang Melayu. Ketiga, kedudukan istimewa orang Melayu adalah sesuatu yang telah wujud sebelum merdeka dan dimasukkan kembali

- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Malaysia (1976), *Rancangan Malaysia Ketiga*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Malaysia (1980), *Rancangan Malaysia Keempat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Malaysia (1991) *Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Malaysia (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan*. Kuala Lumpur: Unit Perancangan Ekonomi.
- Maxwell dan Gibson (1924), *Treaties and Engagements Affecting Malay States and Borneo*. London: Truscott and Son Ltd.
- Means, G.P. (1976), *Malayan Politics*. London: Stroughton and Hodder.
- Meor Atiqurrahman bin Ishak v Fatimah Bte Shihi* (2000) 5 MLJ 375.
- Milne, R. S. and Mauzy, D. K. (1972), *Politics and Government in Malaysia*. Singapore: Time Books International.
- Minister of Home Affairs v Jamaluddin Bin Othman* (1989) 1 MLJ 418.
- Mohamed Azam Mohamed Adil (2005), Kebebasan beragama dan hukuman ke atas orang murtad di Malaysia. Dlm. Ahmad Hidayat Buang. *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamed Suffian Hashim (1987), *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Ridzuan Awang (1987), *Tanah Simpanan Melayu: Analisis Sosio-ekonomi dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Richme Enterprise.
- Mohd Salleh Abas (1984), *Sejarah Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abas (1985), *Unsur-Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Arifin (1999), Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Dlm. Ahmad Ibrahim. *Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri Muslim (2011). Islam dan Orang Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Konteks Hubungan Etnik: Kajian Ke Atas Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Nik Abd. Rashid Abdul Majid (1988), Kedudukan Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Dlm. Mahmood Zuhdi Abdul Majid. *Ke Arah Merealisasikan Undang-Undang Islam di Malaysia*. Batu Cave: Thinkers Library Sd. Bhd.
- Non-Islam Religious (Control of Propagation among Muslim) Enactment 1988, Selangor (No. 0f 1988) lihat Seksyen 4, 5, 6 dan 8.
- Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat, Penggal Ketiga, April 1973.
- Raja Nazrin Shah (2008), Kestabilan minda Melayu penting, *Utusan Malaysia*, 20 April.
- S.M. Huang-Thio (1964), *Constitutional Discrimination Under The Malaysian Constitution*. M.L.R., 6 hlm 14-15.
- Salim Jasman (2002), Undang-undang pentadbiran Islam dan Mahkamah Syariah di Singapura. Dlm. Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. *Pembangunan Undang-Undang di Rantau ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Sanusi Osman (1989) *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Shad Saleem Faruqi (2003), Affirmative action policies and the constitution. *Journal of Malaysian Studies* 1&2. hlm 34-35.
- Shad Saleem Faruqi (2004), Secularism or theocracy- a study of the Malaysian Constitution. *UiTM Law Review*. Vol 2. hlm 165-175.
- Shad Saleem Faruqi (2005), The Malaysia Constitution, the Islamic state and hudud laws. In K.S Nathan and Mohamad Hashim Kamali. *Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ketua Pnyt.) (2007), *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: UPENA.

- Sheriden L. A. dan Groves H. E. (1979), *The Constitution of Malaysia*. Singapore: Malayan Law Journal Ltd.
- Syed Husin Ali (2008), *The Malays: Their Problem and Future*. Kuala Lumpur: Others Press.
- Syed Muhammad Naqiub al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Syed Naquib al-Atas (1970), *The Correct Date of Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur.
- Tan Chee Beng (1988), Ethnic dimensions in the constitution. Dlm. *Reflection on the Malaysian Constitution*. Pulau Pinang: ALIRAN.
- Teoh Eng Huat v Kadhi of Pasir Mas & Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* (1990) 2 MLJ 306.
- Tunku Abdul Rahman (1984), *Contemporary Issue on Malaysian Religions*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Ungku A. Aziz (1969), *Renchana-Renchana Ekonomi dan Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu.
- Utusan Malaysia*, 14 November 2008.
- Utusan Malaysia*, 25 November 2008.
- Winstedt, R. O. & Josselin de Jong (eds) (1956), The Maritime Laws of Malacca, *Journal of The Malayan Branch of Royal Asiatic Society*. Vol. XXXIX Part III.
- Wong Ah Fook Iwn. State of Johore* (1937) MLJ 128.
- Wu Min Aun (1999), *The Malaysian Legal System*. 2ed. Kuala Lumpur: Longman.
- Yeo Kim Wah (1982), *The Politics of Decentralization: The Colonial Controversy in Malaya 1920-1929*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zailan Moris (Penyt) (2007), *50 tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia (1957-2007)*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Zainal Abidin Abdul Wahid (2001), *Bahasa, Pendidikan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.